



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES *Volume 8 (2) 2025*

TAHAP PENGUASAAN KATA KERJA DALAM KALANGAN GENERASI Z DI UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM) KAMPUS PAGOH

Ume Ezatee Shafee¹, Nora'azian Nahar^{1*}

¹Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia

*E-mail of Corresponding Author noraazian@iium.edu.my

ABSTRAK

Generasi Z merupakan tunjang utama dalam memartabatkan bahasa Melayu agar semakin dikenali sehingga ke peringkat antarabangsa. Namun begitu, penguasaan tatabahasa generasi Z hari ini dilihat berada pada tahap yang lemah terutama sekali dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Kajian yang akan dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk penggunaan kata kerja dan menganalisis penguasaan kata kerja dalam kalangan generasi Z di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh. Kajian yang bersifat kualitatif ini telah memilih seramai 15 orang responden bagi mendapatkan 15 manuskrip cerpen hasil penulisan pelajar untuk mengenal pasti bentuk-bentuk penggunaan kata kerja. Selain itu, seramai 30 orang responden dipilih untuk menjawab borang soal selidik berbentuk Google Form bagi mengukur tahap penguasaan kata kerja dalam kalangan pelajar. Hasil analisis dokumen tugas pelajar, memperlihatkan sebanyak 140 jumlah kata kerja yang berbeza bentuk telah ditemukan dalam penulisan cerpen mereka. Walaupun begitu, berdasarkan skor markah yang diperolehi, hasil dapatan menunjukkan tahap penguasaan kata kerja dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana yang mana 12 orang memperoleh tahap tinggi, 15 orang tahap sederhana dan 3 orang berada pada tahap rendah. Penentuan tahap penguasaan ini ditentukan berdasarkan kepada skor markah yang diadaptasi daripada kajian pengkaji lepas. Kajian lanjutan perlu dijalankan supaya kita dapat mengekalkan tatabahasa bahasa Melayu dalam kelompok masyarakat kini yang dilihat semakin mudah terpengaruh dengan bahasa asing. Oleh itu, penghasilan kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada bidang morfologi serta dapat menjadi sumber rujukan dan pembacaan

kepada para pengkaji akan datang.

Kata kunci: Generasi Z, kata kerja, penguasaan, Google form dan cerpen

PENGENALAN

Tatabahasa merupakan asas penting dalam penguasaan bahasa Melayu merangkumi kemahiran lisan dan penulisan. Berdasarkan pengertian Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), tatabahasa merujuk kepada peraturan sistem bahasa dan cara penyusunan kata dalam ayat. Secara umum, tatabahasa dibahagikan kepada dua bidang utama iaitu morfologi dan sintaksis. Morfologi merangkumi struktur dan bentuk kata termasuk kata tunggal, imbuhan, penggandaan dan pemajmukan, manakala sintaksis meneliti penyusunan kata dalam ayat.

Dalam sistem tatabahasa bahasa Melayu, kata kerja merupakan salah satu daripada empat golongan kata utama dan terbahagi kepada dua jenis, iaitu kata kerja transitif (KKT) dan kata kerja tak transitif (KKKT). KKT memerlukan objek untuk melengkapkan maksud manakala KKTT tidak memerlukan objek. KKT aktif lazimnya menggunakan awalan meN-, meN-...-kan, meN-...-i, atau memper-, manakala KKT pasif pula menggunakan struktur di-...-oleh atau tanpa imbuhan bagi kata ganti nama diri tertentu. Sementara itu, KKTT pula terbahagi kepada berpelengkap dan tanpa pelengkap, bergantung kepada keperluan struktur ayat.

Kepelbagai bentuk kata kerja ini sering mengelirukan pelajar meskipun telah mempelajarinya sejak di sekolah rendah. Kajian oleh Rohani Mat Tia dan Mat Rahim Mat Tahir (2021) membuktikan bahawa pelajar masih sukar membezakan antara jenis kata kerja tak transitif, termasuk KKTT berpelengkap dan KKTT berpenerang. Justeru, kajian ini memberikan tumpuan kepada pemahaman dan aplikasi tepat kata kerja dalam kalangan pelajar bagi memperkukuh penguasaan tatabahasa mereka secara menyeluruh.

PENYATAAN MASALAH

Umum mengetahui bahawa pelbagai kajian telah dijalankan oleh sarjana bahasa Melayu bagi meneliti penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar. Antara kajian terdahulu yang menggunakan Teori Analisis Kesalahan Bahasa Corder (1981) termasuk kajian oleh Nurul Ain Alizuddin (2012) dan Ugartini Magesvaran (2021), yang memfokuskan kepada kesalahan dalam penulisan karangan, merangkumi aspek ejaan, istilah, sebutan dan struktur tatabahasa. Corder (1981) dalam Abdul Hamid dan Jessica Ong (2020) menjelaskan bahawa kesilapan bahasa merujuk kepada bentuk pertuturan yang tidak selaras dengan bentuk pertuturan penutur jati yang terpelajar.

Tatabahasa, khususnya aspek kata kerja memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penguasaan bahasa seseorang. Kajian oleh Phau Liang Khoo dan Nor Azwahanum (2021) telah meneliti penggunaan projek video bagi meningkatkan penguasaan kata kerja dalam kalangan murid SJKC, manakala kajian oleh Nor Hidayah Md Khanapiah (2016) pula memberikan tumpuan kepada penggunaan imbuhan kata kerja dalam kalangan murid pekak. Hasil daripada dua kajian lepas ini menunjukkan bahawa penguasaan kata kerja dalam kalangan pelajar masih berada pada tahap sederhana dan kesilapan penggunaan kata kerja masih berlaku secara berulang, termasuk dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Namun begitu, kajian yang memfokuskan kepada penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar universiti masih kurang diberikan perhatian. Masyarakat sering menganggap bahawa mahasiswa telah menguasai sepenuhnya tatabahasa bahasa Melayu, sedangkan realitinya masih ramai yang menghadapi kesukaran dalam penggunaan kata kerja secara tepat, sama ada dalam penulisan mahupun ujian bertulis. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menilai tahap penguasaan kata kerja dalam kalangan mahasiswa dan menyediakan rujukan baharu kepada pengkaji akan datang dalam bidang tatabahasa Melayu.

SOROTAN LITERATUR

Kajian yang memfokuskan bidang tatabahasa bahasa Melayu telah lama mendapat perhatian dalam penyelidikan linguistik, namun tumpuan khusus terhadap aspek kata kerja dalam kalangan mahasiswa masih kurang dijalankan. Menurut Annuar Khisham Isa et al. (2021), pelajar tetap melakukan kesalahan tatabahasa walaupun telah mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hal ini dikaitkan dengan perbezaan sistem bahasa antara bahasa ibunda dengan bahasa Melayu yang membawa kepada pengulangan kesilapan sekiranya tidak ditangani secara sistematik.

Terdapat juga beberapa kajian terdahulu yang memberi penekanan kepada aspek penggunaan kata kerja. Indirawati Zahid (2019) meneliti kata kerja dalam iklan produk kecantikan wanita dan mengenal pasti sejumlah 205 kata kerja yang lazim digunakan sebagai unsur daya tarikan. Kajian Muhammad Fitri, Che Ibrahim dan Sharil Nizam (2017) pula menganalisis frasa kerja dalam akhbar Harian Metro dan mengenal pasti lima kategori kesalahan termasuk frasa kerja berobjek dan tanpa pelengkap yang boleh menyebabkan kekeliruan kepada pembaca.

Selain itu, kajian Nor Hidayah Md Khanapiah (2016) yang meneliti kesalahan imbuhan kata kerja dalam kalangan murid pekak mendapati bahawa penggunaan imbuhan awalan seperti men- dan memper- sering disalah guna kerana kurang pendedahan dalam bacaan dan penulisan. Kajian Raja Masittah Raja Ariffin (2010) pula memerihalkan variasi kata kerja dalam bahasa

Melayu Kokos dan menunjukkan kewujudan pelbagai bentuk kata kerja yang membentuk sistem nahu tempatan.

Dari perspektif pedagogi, Awatif Abdul et al. (2019) menilai tahap pengetahuan guru bahasa Melayu dalam aspek sintaksis bahasa Arab dan mendapati tahap pengetahuan mereka sangat baik, sekali gus menekankan keperluan penguasaan guru dalam sistem tatabahasa. Sementara itu, Saritha Chellamuthu dan Wan Muna (2021) membuktikan bahawa pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) berjaya meningkatkan penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti melalui kaedah intervensi sistematik.

Dalam ulasan kritis, kesilapan tatabahasa masih menjadi isu utama dalam kalangan pelajar dan guru. Menurut Zaliza Mohamad Nasir (2017), kesilapan bahasa merujuk penyimpangan daripada sistem bahasa baku termasuk kesalahan dalam imbuhan dan struktur ayat. Kajian Minah Sintian dan Athira Najwa Zakaria (2019) pula menunjukkan bahawa kesalahan kata tugas, imbuhan dan kata kerja sering berlaku berulang kali dalam kalangan guru sendiri. Tambahan pula, Nurul Jamilah dan Nor Zainiyah Zarita (2023) dalam kajian mereka telah mengenal pasti kesalahan ejaan yang berleluasa dalam kalangan pelajar sekolah rendah, manakala kajian Anne dan Saidatul (2021) menekankan bahawa pelajar cenderung mengeja mengikut sebutan sendiri, sekali gus menjejaskan nilai bahasa dalam penulisan.

Dalam konteks penulisan rasmi dan media, Muhd Hazreen dan Shahril (2019) telah mengenal pasti penggunaan kata abstrak dan dramatik yang tidak tepat serta pembentukan ayat berlebihan dalam rencana akhbar. Hal ini turut berlaku dalam teks ucapan rasmi seperti perutusan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memperlihatkan kelemahan penguasaan tatabahasa (Muhammad Faizul Abdul Hamid et al., 2022). Bahkan, kesalahan penggunaan kata kerja seperti frasa kerja berobjek atau tanpa pelengkap masih dikesan dalam penulisan akhbar (Muhammad Fitri et al., 2017), membuktikan isu ini turut merentas peringkat profesional.

Justeru, berdasarkan sorotan dan ulasan ini, jelas bahawa penguasaan kata kerja bahasa Melayu merupakan aspek kritikal yang masih perlu diberi perhatian bukan sahaja dalam kalangan pelajar sekolah, tetapi juga mahasiswa dan penutur profesional. Penyelidikan yang menyasarkan pelajar universiti sangat penting bagi menilai sejauh mana tahap penguasaan kata kerja dalam konteks akademik dan rasmi.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bertujuan untuk meneroka tahap penguasaan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Pagoh. Seramai 15 orang pelajar dipilih secara rawak bagi menyerahkan tugas bertulis berbentuk cerpen untuk dianalisis, manakala 30 orang pelajar lain

dipilih untuk menjawab soal selidik berkaitan dengan penggunaan kata kerja. Kesemua responden merupakan penuntut di UIAM Kampus Pagoh yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam komunikasi harian.

Pengumpulan data dilakukan melalui tiga kaedah utama iaitu analisis dokumen, edaran borang soal selidik secara dalam talian dan rujukan literatur. Tugas cerpen dianalisis bagi mengenal pasti dan mengelaskan bentuk-bentuk kata kerja yang digunakan oleh responden, manakala borang soal selidik yang mengandungi 20 soalan berkaitan dengan kata kerja aktif dan pasif digunakan untuk menilai tahap penguasaan responden terhadap penggunaan kata kerja. Data yang diperoleh daripada analisis dokumen dan soal selidik dianalisis secara deskriptif.

Dapatan cerpen pula dipersembahkan dalam bentuk jadual dan dihuraikan secara tematik, manakala hasil soal selidik dipersembahkan dalam bentuk carta pai bagi menunjukkan peratusan pemilihan jawapan dan kesalahan yang lazim dilakukan oleh responden. Selain itu, pengkaji turut merujuk pelbagai sumber ilmiah seperti buku, jurnal dan artikel bagi menyokong proses pengelasan dan penghuraian bentuk-bentuk kata kerja yang dikaji. Pendekatan ini membolehkan pengkaji memperoleh data yang menyeluruh dan berkualiti untuk menjawab persoalan serta mencapai objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian berdasarkan dua objektif utama kajian, iaitu menganalisis bentuk-bentuk penggunaan kata kerja dalam tugas bertulis pelajar dan menilai tahap penguasaan kata kerja dalam kalangan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Pagoh.


Bagi objektif pertama, sebanyak 15 tugas cerpen yang dihasilkan oleh pelajar telah dianalisis melalui kaedah analisis kandungan. Hasil dapatan menunjukkan sejumlah 140 kata kerja dikenal pasti dan dikelaskan mengikut bentuknya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 120 (85.71%) merupakan kata kerja transitif aktif manakala hanya 20 (14.29%) merupakan kata kerja transitif pasif. Antara bentuk paling kerap digunakan oleh pelajar ialah awalan me- (20.71%), meng-...kan (12.14%), dan me-...kan (10.71%). Pelajar juga menggunakan bentuk memper- dalam penulisan mereka, namun penggunaannya tidak begitu meluas. Kata kerja pasif seperti penggunaan struktur di-...oleh dan ter- adalah agak terhad, mencerminkan kecenderungan pelajar untuk menggunakan struktur ayat aktif berbanding dengan ayat pasif dalam penghasilan penulisan kreatif. Hal ini juga menunjukkan bahawa pelajar lebih selesa dengan bentuk ayat yang langsung dan mudah.

Jadual 1: Jumlah Bentuk-bentuk Kata Kerja yang Diguna pakai dalam Tugas Para Pelajar

Bil	Bentuk Kata Kerja	Jumlah	Peratusan (%)
1.	KKT aktif awalan men-	10	7.143
2.	KKT aktif awalan me-	29	20.714
3.	KKT awalan mem-	6	4.286
4.	KKT aktif awalan meng-	14	10
5.	KKT aktif apitan memper-...-kan	3	2.143
6.	KKT aktif apitan men-...-kan	5	3.571
7.	KKT aktif apitan me-...-kan	15	10.714
8.	KKT aktif apitan mem-...-kan	7	5
9.	KKT aktif apitan meng-...-kan	17	12.143
10.	KKT aktif apitan men-...-i	2	1.429
11.	KKT aktif apitan me-...-i	8	5.714
12.	KKT aktif apitan mem-...-i	3	2.143
13.	KKT aktif apitan meng-...-i	1	0.714
14.	KKT pasif menggunakan “di” dan “oleh”	20	14.286
	JUMLAH	140	100%

Bagi objektif kedua, data diperoleh melalui borang soal selidik yang dijawab oleh 30 orang pelajar secara talian menggunakan Google Form. Borang soal selidik ini mengandungi 20 soalan objektif berkaitan kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif merangkumi aspek penggunaan imbuhan, struktur ayat serta kesesuaian subjek dan objek. Analisis menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar terhadap kata kerja masih tidak seimbang. Pelajar dapat mengenal pasti dan menggunakan kata kerja biasa seperti mempercepat, menghidangi, atau membaca dengan betul, namun masih terdapat kekeliruan yang ketara dalam penggunaan bentuk pasif, kata kerja tak transitif berpelengkap serta imbuhan kompleks seperti memper-...kan dan memper-...i.

Ibu pergi ke pasar.
30 responses



Rajah 1: Ayat “Ibu pergi ke pasar.”

Sebagai contoh, hanya 6 orang pelajar (20%) dapat menjawab dengan tepat ayat “Ibu pergi ke pasar”, menunjukkan bahawa 80% pelajar gagal memahami struktur kata kerja tak transitif yang memerlukan pelengkap berbentuk frasa sendi nama. Selain itu, soalan yang melibatkan perbezaan antara objek bernyawa dan tidak bernyawa dalam konteks penggunaan -kan dan -i juga mencatatkan kadar kesalahan yang tinggi. Carta pai daripada analisis soal selidik menunjukkan ketidakseimbangan dalam pemilihan jawapan yang betul bagi hampir separuh soalan, sekali gus memperlihatkan kekeliruan pelajar dalam membezakan bentuk kata kerja yang berbeza dalam konteks ayat.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini membuktikan bahawa pelajar masih mengalami kekeliruan dalam penggunaan kata kerja, khususnya dari segi imbuhan dan struktur ayat. Meskipun mereka merupakan penutur jati bahasa Melayu, penguasaan terhadap aspek morfologi dan sintaksis kata kerja masih berada pada tahap sederhana. Oleh itu, dapatan ini memberikan petunjuk jelas bahawa pendekatan pengajaran tatabahasa, khususnya berkaitan dengan kata kerja, perlu diperkemas dan disesuaikan dengan keperluan semasa pelajar di peringkat pengajian tinggi. Penekanan kepada variasi bentuk kata kerja dan latihan pengukuhan yang berfokus dapat membantu pelajar menguasai struktur ayat bahasa Melayu secara lebih tepat dan berkesan.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian berdasarkan objektif pertama menunjukkan bahawa pelajar lebih cenderung menggunakan kata kerja transitif aktif (KKT aktif) berbanding dengan kata kerja transitif pasif (KKT pasif) dalam tugas bertulis mereka khususnya dalam penulisan cerpen. Kecenderungan ini dipercayai disebabkan oleh struktur KKT aktif yang lebih mudah digunakan dan difahami dalam pembinaan ayat serta lebih sesuai dalam penyampaian naratif yang jelas. Antara bentuk

KKT aktif yang dominan digunakan oleh pelajar ialah imbuhan awalan meN- yang terdiri daripada empat varian iaitu me-, mem-, men-, dan meng- bergantung kepada huruf pertama kata dasar. Sebagai contoh, me- digunakan untuk kata dasar yang bermula dengan huruf m, n, ny, ng, r, l, w, dan y. Imbuhan men- pula digunakan untuk kata dasar yang bermula dengan huruf d, j, c, sy dan z, termasuk kata pinjaman yang bermula dengan huruf t dan s. Keberkesanan penggunaan imbuhan ini menunjukkan penguasaan asas morfologi pelajar terhadap struktur kata kerja aktif.

Selain itu, bentuk imbuhan apitan meN-...-kan dan meN-...-i juga dikenal pasti digunakan dengan aktif dalam penulisan pelajar. Apitan meN-...-kan membentuk kata kerja transitif yang lazimnya memerlukan satu atau dua objek, manakala apitan meN-...-i pula digunakan dalam konteks kata kerja yang menunjukkan perbuatan kepada sasaran yang lebih abstrak atau lokasi tertentu. Walau bagaimanapun, pengkaji turut mengenal pasti penggunaan KKT pasif dalam tugas pelajar, namun bilangannya jauh lebih rendah, iaitu sebanyak 20 penggunaan daripada keseluruhan 140 kata kerja yang dikenal pasti. Kata kerja pasif ini terdiri daripada bentuk di-...oleh, yang digunakan khusus untuk kata ganti nama diri ketiga dan frasa nama. Hal ini membuktikan bahawa pelajar lebih cenderung membina ayat berbentuk aktif dan kurang mengaplikasikan struktur pasif dalam penghasilan penulisan.

Bagi objektif kedua, analisis terhadap soal selidik yang diedarkan kepada 30 orang responden menunjukkan bahawa tahap penguasaan kata kerja dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana.

Jadual 2: Penentuan Tahap Skor Markah Berdasarkan Borang Kaji Selidik

Skor	Tahap	Bilangan
66-100	Tinggi	12
34-65	Sederhana	15
0-33	Rendah	3
Jumlah	Jumlah	30

Berdasarkan skor markah yang diadaptasi daripada kajian oleh Nora'azian dan Nurul Jamilah (2024), seramai 12 orang pelajar (40%) mencapai tahap tinggi (66–100 markah), 15 orang pelajar (50%) berada pada tahap sederhana (34–65 markah), dan hanya 3 orang pelajar (10%) berada pada tahap rendah (0–33 markah). Walaupun majoriti pelajar berada pada tahap sederhana ke atas, masih terdapat kesilapan asas dalam menjawab soalan berkaitan kata kerja terutama dalam aspek imbuhan dan struktur ayat.

Contohnya, dalam soalan yang menguji ayat “Ibu pergi ke pasar”, hanya enam orang pelajar (20%) memberikan jawapan yang tepat. Kesalahan yang berlaku ialah pelajar gagal mengenal pasti bahawa frasa “pergi ke” berfungsi sebagai satu unit kata kerja tak transitif dengan pelengkap frasa sendi nama. Kekeliruan ini memperlihatkan bahawa terdapat ketidakfahaman pelajar terhadap fungsi kata kerja tak transitif berpelengkap dalam struktur ayat. Tambahan pula, kesalahan dalam memilih imbuhan seperti *memper-*, *meng-*, dan *men-* menunjukkan bahawa sebilangan pelajar belum menguasai sepenuhnya perbezaan bentuk morfologi kata kerja berdasarkan konteks penggunaan yang betul.

Penemuan ini menyokong dapatan kajian oleh Annuar Khisham Isa et al. (2021) yang menyatakan bahawa kesilapan dalam aspek tatabahasa termasuk penggunaan kata kerja berlaku secara berulang walaupun pelajar telah menerima pendedahan terhadap tatabahasa sejak di sekolah rendah. Dalam konteks ini, kajian ini telah membuktikan bahawa penguasaan pelajar terhadap kata kerja masih belum mencapai tahap cemerlang yang sepatutnya dikuasai oleh penuntut institusi pengajian tinggi.

Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa walaupun pelajar UIAM Kampus Pagoh merupakan penutur jati bahasa Melayu, penguasaan mereka terhadap aspek kata kerja terutamanya dari segi struktur morfologi dan sintaksis masih berada pada tahap sederhana. Para pelajar menunjukkan kecenderungan untuk menggunakan bentuk KKT aktif yang lebih mudah dan lebih difahami dalam konteks penulisan, namun kurang mengaplikasikan variasi lain seperti KKT pasif dan KKTT secara tepat. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan keperluan untuk memperkukuh aspek pengajaran dan pemahaman kata kerja dalam kalangan pelajar universiti agar penggunaan tatabahasa dapat diaplikasikan secara lebih gramatis, tepat dan efektif dalam penulisan serta komunikasi seharian.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa tahap penguasaan kata kerja dalam kalangan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Pagoh masih berada pada tahap sederhana meskipun majoriti responden merupakan penutur jati bahasa Melayu dan telah mempelajari bahasa ini sejak di bangku sekolah rendah. Dapatan kajian menunjukkan pelajar lebih cenderung menggunakan kata kerja transitif aktif dalam penulisan tugas, namun masih berlaku kesalahan dari segi penggunaan imbuhan, struktur ayat serta kekeliruan dalam membezakan antara kata kerja transitif dengan kata kerja tak transitif. Penggunaan bentuk kata kerja yang betul tidak semestinya menggambarkan tahap penguasaan yang tinggi khususnya apabila pelajar tidak dapat menjelaskan fungsi atau peranan kata kerja tersebut dalam konteks ayat.

Kajian ini juga memberikan implikasi bahawa aspek tatabahasa, terutamanya dalam bidang morfologi seperti kata kerja masih belum dikuasai sepenuhnya oleh pelajar di peringkat pengajian tinggi. Kekeliruan dalam penggunaan imbuhan seperti -kan, -i, memper-, dan meng- membuktikan keperluan kepada pengajaran aspek tatabahasa yang lebih terperinci, berfokus dan berterusan. Oleh itu, kajian ini dapat dimanfaatkan sebagai rujukan bukan sahaja oleh pelajar tetapi juga oleh para pendidik dan penyelidik lain dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu melalui penguasaan struktur linguistik yang tepat. Kajian ini turut menyumbang pembangunan bahan bantu mengajar, terutamanya dalam penggunaan kata kerja dalam konteks penulisan akademik dan penulisan rasmi.

Bagi kajian akan datang, disarankan agar penyelidikan diperluas kepada penutur bukan natif, perbandingan antara pelajar bandar dengan pelajar luar bandar serta analisis kesalahan kata kerja dalam media sosial seperti ciapan dan hantaran oleh pempengaruh. Di samping itu, pendekatan kualitatif melalui temu bual atau analisis kesalahan dalam komunikasi lisan juga wajar diterokai untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang penguasaan kata kerja dalam pelbagai konteks bahasa.

Tuntasnya, kajian ini menegaskan bahawa usaha untuk memperkukuh penguasaan tatabahasa dalam kalangan generasi muda adalah sangat penting bagi memastikan bahasa Melayu kekal sebagai bahasa ilmu, bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Pendidik berperanan memberikan penekanan kepada aspek morfologi secara mendalam manakala pelajar pula harus mempraktikkan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan seharian. Hanya dengan gabungan usaha pelbagai pihak, kita mampu melahirkan generasi celik bahasa yang mampu menggunakan bahasa Melayu secara gramatis, tepat dan berkesan.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Moiden, & Ong, H. L. (2020, 11-12 Mac). Penelitian konsep kesalahan bahasa dari perspektif sarjana Barat. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 5(2020), 724–730.
- Anne Jeffrey Kihob, & Saidatul Nornis Hj Mahali. (2021). Kesalahan ejaan dalam karangan murid sekolah menengah di daerah Tuaran, Sabah. *Jurnal Melayu*, 20(1), 38–64.
- Annuar Khisham Isa, Zaitul Azma Zainon Hamzah, & Sharil Nizam Sha'ri. (2021). Tahap penguasaan penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar di tingkatan empat sekolah berasrama penuh. *PENDETA*, 12(1), 90–104.
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.7.2021>

- Arina Johari, & Nurul Jamilah Rosly. (2024). Herba dalam perubatan tradisional Melayu: Analisis persepsi pengetahuan dan pengalamannya dalam kalangan Generasi Z. *International Journal of Advanced Research in Food Science and Agriculture Technology*, 1(1), 1–13.
- Awatif Abdul Rahman, Mohd Shafie Zulkifli, Muhammad Hashimee, & Naqibah Mansor. (2019). Tahap pengetahuan guru Melayu dalam pengajaran tatabahasa Bahasa Arab. *Jurnal Melayu*, 18(2), 231–243.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*.
<http://rujukan.dbp.gov.my/>
- Faridah Nazir, Nurul Jamilah Rosly, & Nora'azian Nahar. (2021). *Kaedah penyelidikan bahasa Melayu*. Sasbadi.
- Fazal Mohamed Sultan, & Khairul Faiz Alimi. (2014). Analisis deskriptif terhadap struktur frasa kerja bahasa Mendriq. *Jurnal Bahasa*, 14(2), 169–191.
- Goh, S. S., & Lee, P. L. (2023). Analisis padanan kata kerja berapitan meN-...-i dalam Kamus Umum Bahasa Melayu-Cina Serba Baru. *Jurnal Bahasa*, 23(2), 313–340.
[https://doi.org/10.37052/jb23\(2\)no5](https://doi.org/10.37052/jb23(2)no5)
- Hasnah Mohamed. (2016). Meningkatkan kemahiran menulis karangan melalui penggunaan Track Changes. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 13(1), 135–159.
<https://doi.org/10.32890/mjli2016.13.1.7>
- Indirawati Zahid. (2019). Kata kerja dan hubungan leksikal dalam iklan produk kecantikan wanita. *Issues in Language Studies*, 8(1), 66–85.
- Kaharuddin. (2021). Kualitatif: Ciri dan karakter sebagai metodologi. *Equilibrium: Jurnal Pendidikan*, 9(1), 1–8. <https://doi.org/10.26618/equilibrium.v9i1.4489>
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012, 11-13 Jun). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif* [Kertas pembentangan]. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1, Johor Bahru.
- Mahmudah Fitriyah, Z. A. (2017). *Penggunaan imbuhan dalam karangan deskripsi siswa kelas XI di SMK Citra Bangsa, Bogor tahun pelajaran 2016/2017* [Skripsi, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah]. Repository UIN Jakarta.

- Minah Sintian, & Athirah Najwa Zakari. (2019). *Kesalahan tatabahasa dalam ucapan guru semasa perhimpunan rasmi sekolah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Hazreen Shah Hassan, & Shahril Nizam Shaari. (2019). Analisis kesalahan penggunaan bahasa dalam rencana akhbar. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 21(2), 55–71.
<https://doi.org/10.22452/jpmm.vol21no2.3>
- Muhammad Faizul Abd Hamid, Daniel Salleh Mokhtar, & Rohaidah Haron. (2022). Analisis kesalahan tatabahasa dalam teks keputusan khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengawal wabak COVID-19. *PENDETA*, 13(1), 84–102.
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.8.2022>
- Muhammad Fitri Abdul Mutalib, Che Ibrahim Salleh, & Shahril Nizam Sha'ri. (2017). Penggunaan frasa kerja dalam akhbar Harian Metro. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 4(2), 329–344.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Muda, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan* (Edisi ke-3). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Hidayah Azinzan, & Kartini Abd Wahab. (2022). Analisis ayat pasif bahasa Melayu dalam media sosial Facebook. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(2), 1–14.
- Nor Hidayah Md Khanapiah. (2016). *Analisis penggunaan imbuhan kata kerja dalam penulisan murid pekak* [Disertasi sarjana, Universiti Malaya]. Students' Repository UM.
- Nora'azian Nahar. (2023). *Formula tatabahasa bahasa Melayu* (hlm. 11–40). Bulan Terbit Services.
- Nora'azian Nahar, & Nurul Jamilah Rosly. (2024). Penguasaan kata nama kanak-kanak berumur 3 hingga 5 tahun semasa pandemik COVID-19. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 35(1), 55–73.
- Nurul Adzwa Ahamad, Nur Farakhanna Mohd Rusli, & Norfaizah Abdul Jobar. (2020). Analisis kesalahan imbuhan dalam penulisan karangan pelajar dan hubung kait dari segi makna gramatikal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 77–90.
- Nurul Jamilah Rosly, & Nor Zainiyah Zarita Mokhtar. (2023). Analisis kesalahan tatabahasa dalam kalangan murid Orang Asli Jakun Lenga, Muar, Johor. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 5(2), 1–11.

- Phau, L. K., & Nor Azwahanum Nor Shaid. (2021). Pelaksanaan projek video bagi meningkatkan penguasaan kata kerja bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKC. *Global Journal of Educational Research and Management*, 1(3), 145–159.
- Rahmi Adrianingsih, & Dea Mustika. (2022). Pemanfaatan internet sebagai sumber belajar siswa di kelas rendah sekolah dasar. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 6(6), 6164–6172. <https://doi.org/10.31004/obsesi.v6i6.3388>
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2010). Analisis kata kerja dan frasa kerja bahasa Melayu Kokos di Pulau Home, Australia. *Jurnal Bahasa*, 10(2), 298–321.
- Rohani Mat Tia, & Mat Rahim Mat Tahir. (2021). *Meningkatkan penguasaan pelajar dalam membezakan jenis kata kerja tak transitif dalam kalangan pelajar tingkatan 6 atas semester dua: Satu kajian tindakan menggunakan formula Traffic Light*. SMK Sungkai.
- Saritha Chellamuthu, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2021). *Peningkatan penguasaan tatabahasa melalui pendekatan pembelajaran berasaskan projek dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Ledang bagi kursus MPU 1212: Bahasa Kebangsaan*. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Siti Zamrah Isa. (2015). *Penguasaan lisan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar pra-universiti* [Tesis master, Universiti Putra Malaysia]. Institutional Repository UPM.
- Ugartini Magesvaran, Zamri Mahamod, Irma Mahad, & Intan Nur Syuhada. (2021). Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu pelajar tingkatan tiga di Sekolah Menengah San Min (Suwa) Teluk Intan. *International Conference on Business Studies and Education* (hlm. 44–60).
- Zaliza Mohamad Nasir. (2018). Kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam penulisan karangan pelajar. *LSP International Journal*, 4(1), 23–35. <https://doi.org/10.11113/lspi.v4n1.44>